

## **Syarikat berdaftar dengan SSM**

**SHAH ALAM** - Syarikat yang menyewa blok bangunan di Cyberjaya untuk dijadikan pusat aktiviti penipuan pelaburan atas talian membabitkan warga China dikatakan mempunyai pendaftaran secara sah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

- Menurut ketua pegawai operasi bangunan itu, pemilik bangunan akan menyemak terlebih dahulu latar belakang syarikat yang berhasrat untuk menyewa.

Beliau yang enggan namanya disiarkan berkata, semakan dilakukan melalui peguam yang mendapat syarikat itu dimiliki individu tempatan yang dipercayai beralamat di Kuala Lumpur dengan menjalan-

kan perniagaan internet.

"Syarikat ini mempunyai rekod yang baik dan bagus dalam perniagaan. Kami tidak sewenang-wenangnya memberikan sewa tanpa mengetahui latar belakang penyewa."

"Mereka berdaftar sebagai syarikat perniagaan internet maka pemilik bangunan membenarkan mereka menyewa untuk tempoh kontrak antara dua hingga tiga tahun.

"Kami tidak tahu mereka menjalankan aktiviti penipuan pelaburan kerana berdasarkan rekod, syarikat itu berdaftar secara sah," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.